

# IKRAR TING KATKAN KERJASAMA

DARI KHALID MOHD.

UM 14 AUG 1981

**J**AKARTA 13 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang melakukan lawatan rasmi dua hari ke Indonesia, malam ini berikrar akan meningkatkan kerjasama dengan republik ini dalam rangka pembangunan dua-hala untuk kepentingan rakyat kedua negara.

"Saya berikrar bahawa perhubungan baik dan mesra yang selama ini terjalin antara pemimpin-pemimpin Malaysia yang terdahulu dari saya dengan pemerintah dan rakyat Indonesia akan terus berkekalan di bawah pimpinan saya.

"Malahan saya akan berusaha dengan lebih giat lagi, insya-Allah, agar perhubungan 'kedua kita akan tambah meningkat lagi', kata Perdana Menteri dalam ucapannya di majlis makan malam yang diberikan oleh Presiden Suharto di Istana Merdeka untuk tetamu negara itu.

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Sri Dr. Siti Hasmah telah disambut dengan harapan permaidani merah dan diberi penghormatan negara. Lawatan itu adalah rangka perkenalannya ke negara-negara ASEAN sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Ketua Negara Indonesia, Presiden Suharto dan isterinya Ibu Tien berada di Lapangan Terbang Halim, Jakarta, untuk mengalu-alukan ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan pertamanya ke luar negeri sejak mengangkat sumpah Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Jeneral Ghazali Mohd. Seth.

Naib Presiden Indonesia, Tun Adam Malik dan isteri serta Menteri Luar, Prof. Mochtar Kusumaatmadja dan ketua-ketua perwakilan asing di Jakarta turut menyambut ketibaan tetamu negara dari Malaysia itu.

Selepas Jakarta, Datuk Sri Dr. Mahathir akan melawat Bangkok pada 24 dan 25 Ogos dan diikuti dengan Singapura awal September.

Presiden Suharto sendiri mengiringi Datuk Sri Dr. Mahathir menerima tabik hormat dari perbari-

san mengandungi anggota-anggota semua unit angkatan bersenjata Indonesia. Tembakan meriam 21 das juga dilepaskan.

Dalam ucapannya di majlis makan malam itu selanjutnya, Perdana Menteri menegaskan tentang puas hatinya dengan kerjasama yang berjalan licin dan baik seperti tindakan bersama dalam bidang keselamatan di perbatasan kedua negara, soal-soal kawasan perairan antarabangsa.

Hasil hubungan erat di antara kedua negara, katanya, berbagai kerjasama telah dapat diperkembangkan untuk kepentingan bukan sahaja rakyat Malaysia dan Indonesia, bahkan penduduk ASEAN amnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun ada kalanya hubungan erat antara kedua buah negara mengalami suasan perselisihan, tetapi kebijaksanaan kepimpinan Presiden Suharto telah membolehkan hubungan rapat kedua-dua negara diperbaiki semula dan dikekalkan malah bertambah erat lagi.

"Pendek kata adalah nyata terbukti, bahawa tidak ada sebarang perkara rumit atau sensitif yang boleh merosotkan perhubungan antara kedua negara kita yang tidak dapat diselesaikan dalam semangat bermesyuarah dan kekeluargaan" tambahnya.

Di samping itu kedua buah negara telah juga menumpukan tenaga bagi melaksanakan rancangan yang dinamis dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan untuk memperbaiki lagi taraf hidup rakyat.

Perdana Menteri menambah, adalah menjadi cita-cita pokok ASEAN untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara-negara di rantau Asia Tenggara supaya pembangunan ekonomi dan sosial ASEAN dapat ditingkatkan tanpa terjejas oleh sebarang rintangan baik dari dalam, mahupun dari luar.

Beliau menarik perhatian, sekiranya negara-negara di rantau ini menghadapi ketegangan dan pergolakan sudah tentu keamanan dan kestabilan akan terancam.

Akibatnya tegas beliau, segala kemajuan yang dicapai dan dinikmati selama ini akan terjajaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, seb ab itulah ASEAN perlu terus berusaha melaksanakan konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali supaya rantau ini bebas dari menjadi arena pertelingkahan kuasa-kuasa besar.

"Perbuatan menceroboh dan mengganggu urusan dalam negeri sebuah negara lain adalah bertentangan dengan konsep ZOPFAN yang menjadi cita-cita kita.

"Oleh itu nyatalah bahawa kemasukan dan

penaklukan Kampuchea oleh tent'era asing secara kekerasan tidak dapat diterima, oleh ASEAN", katanya.

Malahan tegas beliau ia juga bertentangan dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan tata tertib serta kesopanan perhubungan antarabangsa.

"ASEAN tidak akan berdiam diri dengan pencerobohan ini, malahan akan terus berusaha mencari sesuatu penyelesaian yang berkekalan bagi masalah Kampuchea", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap persidangan antarabangsa itu akan dapat melaksanakan usaha-usahanya ke arah mengadakan runtingan dengan pihak-pihak berkenaan agar penyelesaian yang diharapkan itu akan tercapai secepat mungkin.

"Anggota-anggota ASEAN menyeru supaya mereka akan bekerjasama dengan Ad Hoc Committee persidangan tersebut", katanya.